

Personaliti Dan Hubungannya Dengan Gaya Pengajaran Dalam Kalangan Pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat

Wan Noor Elyana Wan Mohamed^{1*}, Nornazlina Md Nor², Zulkurnain Hassan³

¹Kolej Komuniti, Hulu Langat, 43000 Kajang, Selangor

²Bahagian Dasar JPJK, 62100 Putrajaya

³Kolej Komuniti, Kota Marudu, 89108 Sabah

*Corresponding author E-mail: wnellyana@gmail.com

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mengenal pasti ciri-ciri personaliti dan gaya pengajaran yang cenderung diamalkan dalam kalangan pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat serta mengkaji hubungan yang signifikan antara personaliti dan gaya pengajaran pensyarah. Seramai 41 orang pensyarah dari pelbagai bidang pengajaran di Kolej Komuniti Hulu Langat telah dipilih sebagai responden kajian. Kajian ini dijalankan menerusi pendekatan kuantitatif. Data dikumpul melalui soal selidik yang diterjemahkan daripada The Big Five Inventory (BFI) oleh John (1990) dan Inventori Gaya Pengajaran Grasha (1996). Darjah kebolehppercayaan instrumen BFI adalah di antara 0.62 hingga 0.77 sementara bagi instrumen gaya pengajaran pula adalah di antara 0.61 hingga 0.71. Analisis deskriptif iaitu frekuensi dan min digunakan untuk analisis taburan. Statistik inferensi iaitu analisis korelasi Pearson digunakan untuk analisis hubungan antara personaliti dengan gaya pengajaran. Aras signifikan yang digunakan adalah 0.05. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dimensi personaliti pensyarah yang paling dominan ialah *Conscientiousness* diikuti dengan *Extraversion*, *Openness*, *Neuroticism* dan *Agreeableness*. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan gaya pengajaran yang cenderung diamalkan adalah gaya pengajaran model pakar diikuti dengan gaya pengajaran model peribadi, gaya pengajaran fasilitator, delegator, dan gaya pengajaran autoriti formal. Hasil ujian korelasi menunjukkan terdapat beberapa hubungan yang signifikan antara personaliti dengan gaya pengajaran pensyarah.

Kata Kunci: gaya pengajaran; neuroticism; conscientiousness; openness; extraversion; agreeableness

1.0 PENGENALAN

Peranan pensyarah adalah amat penting dalam usaha merintis dan menerajui perubahan demi melonjakkan sistem dan institusi pendidikan ke tahap dunia dan melahirkan insan yang memberi sumbangan kepada kemakmuran negara, kerana ia adalah profesion paling utama di dalam proses membangunkan manusia dan masyarakat. Personaliti yang baik pada seseorang pensyarah adalah merujuk kepada kualiti diri seperti sahsiah, tingkah laku, kekemasan, keceriaan, keterampilan diri, kematangan, cara berinteraksi, kewibawaan pensyarah dan sebagainya. Pensyarah mestilah sentiasa berpakaian kemas, sopan, berwajah manis, ceria, mesra, berkeyakinan tinggi, jujur, berbudi bahasa dan menunjukkan tingkah laku yang baik bukan sahaja di kolej komuniti bahkan di mana-mana sahaja mereka berada. Menurut Good dan Brophy (2002), seorang pensyarah yang dihormati dan mesra pelajar akan dapat bekerjasama dengan pelajar-pelajarnya dalam menjayakan aktiviti di dalam bilik darjah. Hasilnya nanti aktiviti tersebut pastinya akan dapat memberikan kesan yang positif ke atas pencapaian akademik pelajar.

Kualiti dalam pengajaran pensyarah memainkan peranan yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan dan bermakna. Menurut Atan Long (1976), pensyarah perlulah mengetahui terlebih dahulu cara atau gaya pengajaran yang sesuai untuk mereka sampaikan kepada pelajar mereka. Pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada pensyarah yang dapat membawa pelajar kepada hasil pembelajaran terakhir yang diinginkannya. Personaliti pensyarah sama ada di dalam kelas atau di luar bilik kelas adalah perlu dititikberatkan memandangkan pensyarah sentiasa menjadi perhatian dan tatapan umum dari hujung kaki hingga ke hujung rambutnya. Apa saja yang dipakai, diperkatakan, dilakukan atau ke mana saja pensyarah pergi, mereka tetap akan menjadi perhatian masyarakat dan pelajar khususnya.

1.1 Latar Belakang Masalah

Penguasaan pengetahuan dalam bidang TVET menjadi tunggak bagi menjayakan matlamat dalam usaha untuk menjadi negara 20 teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi seiring dengan Transformasi Nasional 2050 atau TN 50." Bagi menjadikan bidang TVET ini menarik, bermakna dan berguna, ramai penyelidik masa kini berpendapat aspek nilai perlu disemai dan diberi penekanan dalam pengajaran. Pengajaran pensyarah yang hanya memberi penekanan kepada pengetahuan kandungan dan prosedur akan melahirkan pelajar yang cekap dalam kemahiran TVET tetapi gagal memperluaskan nilai-nilai yang tersirat dalam kandungan kemahiran TVET ke dalam kaedah berfikir, beramal dan memainkan peranan sebagai ahli masyarakat.

Sikap pensyarah yang tidak mengambil langkah bijaksana dalam menyelesaikan masalah pelajar secara sistematik dan konsisten, turut diperkatakan sebagai punca pencapaian yang rendah dalam pelajaran di kolej komuniti. Menurut Tajul Ariffin (dalam Suhaimi (2001)), masalah pembelajaran dalam kalangan pelajar yang berprestasi rendah dan sederhana adalah disebabkan oleh mereka tidak mengetahui kaedah dan teknik belajar yang berkesan. Menurut Abd Rahim (dalam Suhaimi (2001)) satu kajian yang dilaksanakan di England telah mendapati bahawa ramai pelajar gagal bukan kerana tidak bijak tetapi disebabkan kekurangan kemahiran belajar yang betul. (Foo Siet Chooi, 1988) yang mendapati bahawa pensyarah adalah pengaruh yang paling utama terhadap pembelajaran pelajar. Selain itu, dalam kajian yang telah dijalankan oleh Kamsiah (1989), beliau mendapati pengaruh pensyarah terhadap pencapaian pelajar adalah sangat kuat dan pelajar-pelajar yang berkebolehan rendah akan memberi keutamaan yang tinggi terhadap peranan pensyarah dalam membantu mereka mendapat keputusan yang baik (Lim, 1981).

Kejayaan pelajar sudah begitu sinonim dengan kejayaan pengajaran pensyarah. Indikator kejayaan dan kegagalan dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah adalah melalui kejayaan pelajar di dalam peperiksaan. Justeru pensyarah seharusnya mempunyai satu perancangan yang rapi, lengkap dan bersistematik bagi menjamin proses pengajaran pembelajaran yang lancar dan berkesan. Tugas utama pensyarah adalah menterjemahkan kandungan silibus pelajaran kepada bentuk yang mudah dan dapat difahami oleh pelajarnya (Noor Azlan, 2006).

1.2 Pernyataan Masalah

Kolej komuniti adalah antara institusi pendidikan yang menekankan kepada kemahiran TVET. Ia memberikan penekanan kepada pendidikan berkonsep sepanjang hayat, iaitu pendidikan berterusan tanpa had umur. Pelajar yang mengikuti pembelajaran di kolej komuniti dalam pelbagai bidang kemahiran berkaitan dengan TVET mampu membentuk kemahiran tertentu yang bersesuaian dengan keperluan semasa dalam pasaran pekerjaan. Pendidikan berasaskan TVET ini bukan sahaja berhasrat melahirkan bilangan pekerja mahir yang terlatih, tetapi mampu menawarkan peluang pekerjaan berbekalkan kemahiran yang diperolehi. Perkara ini akan mengurangkan kebergantungan pada kerja makan gaji.

Namun begitu tanpa pencapaian pelajar yang tinggi, ia akan menjadi satu halangan bagi kejayaan pendidikan di kolej komuniti. Kelak nanti pelbagai pihak mula saling menuding jari menyalahkan antara satu sama lain di atas kegagalan ini dan yang selalunya menjadi sasaran ialah pentadbir kolej komuniti dan golongan pendidik itu sendiri. Mengapakah hal ini boleh berlaku sedangkan pelbagai aktiviti telah dijalankan oleh pihak Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) di dalam usaha untuk membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam semua bidang termasuk memperkenalkan pelbagai kaedah pengajaran. Daripada latihan intervensi untuk pelajar lemah, latihan pengukuhan untuk pelajar sederhana hinggalah latihan pengayaan untuk pelajar cemerlang, semuanya telah dilaksanakan. Adakah ia berpunca daripada kegagalan pensyarah menyampaikan pembelajaran? Punca masalah perlu dikenal pasti segera sebelum ianya menjadi barah yang sukar untuk diubati. Kajian ini sangat diperlukan untuk meninjau adakah benar terdapat kaitan antara personaliti pensyarah dan gaya pengajaran serta hubungannya dengan pencapaian pelajar. Bukan untuk mencari salah siapa tetapi untuk mengubati dan membaiki mana-mana kelemahan dan kepincangan yang berlaku bagi melahirkan individu yang berilmu dan berkemahiran tinggi, dapat mengaplikasikan kemahiran TVET dalam membangunkan diri dan negara.

1.3 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pola personaliti pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat dan hubungannya dengan gaya pengajaran. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Mengenal pasti pola personaliti pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor secara keseluruhan.
- ii. Mengenal pasti pola gaya pengajaran pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor secara keseluruhan.
- iii. Mengenal pasti sama ada terdapat hubungan yang signifikan di antara pola personaliti dengan gaya pengajaran pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor.

1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini adalah untuk menjawab beberapa persoalan iaitu:

- a) Apakah pola personaliti pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor secara keseluruhannya?
- b) Apakah pola gaya pengajaran pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor secara keseluruhannya?
- c) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pola personaliti dengan gaya pengajaran pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor?

1.5 Hipotesis Kajian

Hipotesis yang dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut:

Hipotesis nol 1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pola personaliti (*Extraversion, Agreeableness, Conscientiousness, Neuroticism dan Openness*) dengan gaya pengajaran (Pakar, Autoriti Formal, Model Peribadi, Fasilitator dan Delegator) pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor.

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya menjurus kepada personaliti pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat dari lima aspek utama berdasarkan Big Five Inventory iaitu *extraversion, agreeableness, conscientiousness, neuroticism* dan *openness*. Kajian ini tidak mengambil kira faktor-faktor luar yang mempengaruhi pencapaian pelajar seperti faktor latar belakang keluarga, keadaan fizikal kolej dan pengaruh rakan sebaya. Manakala gaya pengajaran yang dikaji hanyalah melibatkan lima gaya pengajaran. yang diperkenalkan oleh Grasha (1996) iaitu gaya pengajaran pakar, gaya pengajaran autoriti formal, gaya pengajaran model peribadi, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator.

2.0 METODOLOGI KAJIAN

2.1 Reka bentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif dan berbentuk kajian korelasi. Masalah kajian dinyatakan dalam bentuk hipotesis dan pengukuran data mengutamakan kesahan dan kebolehpercayaan. Kajian ini mengukur hubung kait antara dua pembolehubah. Ia juga menerangkan kekuatan perkaitan antara keduanya dan sama ada ianya signifikan atau tidak.

2.2 Populasi, Sampel dan Tempat Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat (KKHL) di Kajang, Selangor

2.3 Instrumen Kajian

Di dalam kajian ini, terdapat dua instrumen yang akan digunakan oleh penyelidik. Instrumen yang pertama ialah ujian personaliti yang dibina oleh John (1990) iaitu Big Five dan soal selidik gaya pengajaran yang dibina oleh Grasha (1996) iaitu Inventori Gaya Pengajaran. Borang soal selidik dalam kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A (Demografi), Bahagian B (Jenis Personaliti) dan Bahagian C (Gaya Pengajaran).

Jadual 1: Pembahagian Item-Item Soalan Mengikut Jenis Personaliti

Personaliti	Pecahan Item (+)	Pecahan Item (-)	Jumlah
<i>Extraversion</i>	1,11,16,26,36	6,21,31	8
<i>Agreeableness</i>	7,17,22,32	2,12,27,37	8
<i>Conscientiousness</i>	3,13,28,33,38	8,18,23	8
<i>Neuroticism</i>	4,14,19,29,39	9,24,34	8
<i>Openness</i>	5,10,15,20,25,30,40	35	8
Jumlah	28	16	40

Big Five Inventory ini mengandungi item-item soal selidik yang menggunakan skala Likert lima mata bagi memudahkan responden membuat persepsi tentang personaliti dirinya. Walau bagaimanapun untuk kajian ini, inventori daripada versi Bahasa Melayu telah diambil daripada kajian yang telah dijalankan oleh Janet Ho Siew Ching (2006).

Jadual 2: Pembahagian Item-Item Soalan Mengikut Jenis Gaya Pengajaran

Gaya Pengajaran	Item-item	Jumlah
Pakar	1, 6, 11, 16, 21-, 26, 31, 36	8
Autoriti Formal	2, 7, 12, 17, 22, 27, 32, 37	8
Model Peribadi	3, 8, 13, 18, 23, 28, 33, 38	8
Fasilitator	4, 9, 14, 19, 24, 29, 34, 39	8
Delegator	5, 10, 15, 20, 25, 30, 35, 40	8

* (-) untuk item negatif

Jadual 3: Skala Lima Mata

Nombor	Kategori
1	Sangat tidak setuju
2	Tidak setuju
3	Tidak Pasti
4	Setuju
5	Sangat setuju

2.4 Kebolehpercayaan dan Kesahan Instrumen

Soal selidik yang diedarkan adalah berkaitan dengan personaliti dan gaya pengajaran yang telah disahkan nilai kebolehpercayaannya. Big Five Inventory menunjukkan julat nilai pekali kebolehpercayaan alpha berada dalam lingkungan 0.65 hingga 0.75. Bagi Inventori Gaya Pengajaran pula julat nilai pekali kebolehpercayaan alpha adalah daripada 0.61 hingga 0.82.

2.5 Analisis Data

Data yang dikumpul akan diproses dengan menggunakan program “*Statistical Packages For Social Sciences (SPSS) 20.0 For Windows*”. Untuk melihat hubungan antara pembolehubah dalam kajian ini, analisis korelasi digunakan. Ujian korelasi Pearson-R digunakan untuk menentukan hubungan yang signifikan antara dimensi personaliti dengan gaya pengajaran. Aras signifikan yang digunakan adalah 0.05. Perkaitan antara dimensi personaliti dan gaya pengajaran ditinjau menggunakan pekali korelasi Pearson-R. Tafsiran nilai pekali korelasi „r” adalah seperti berikut:

Jadual 4: Jadual Klasifikasi Kekuatan Korelasi

Nilai Indeks Korelasi	Interpretasi
0.0 hingga 0.2	Sangat Lemah
0.2 hingga 0.4	Lemah, rendah
0.4 hingga 0.6	Sederhana
0.6 hingga 0.8	Tinggi, Kuat
0.8 hingga 1.0	Sangat Tinggi, Sangat Kuat

(Rowtree, 1981 dalam Mohd Najib, 2003 dan Azizi et.al, 2007)

3.0 SOROTAN KAJIAN

Kajian Shahril Asan Barseni (2002) dijalankan untuk mengenal pasti perhubungan di antara personaliti guru-guru teknikal dengan pendekatan pengajaran yang digunakan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan kebanyakan guru-guru teknikal mempunyai personaliti introvert berbanding ekstrovert. Didapati juga tiada hubungan yang signifikan wujud di antara umur dengan pendekatan pengajaran. Hasil kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara personaliti dengan pendekatan-pendekatan pengajaran yang digunakan kecuali pendekatan induktif di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kajian Tin Lei Fin (2006) pula dijalankan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap ciri-ciri personaliti guru dan sejauh mana ciri personaliti guru ini dapat meningkatkan proses pembelajaran dan tingkah laku pelajar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap personaliti guru di sekolah. Di samping itu, minat pelajar terhadap personaliti guru membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dengan lebih baik serta dapat mempengaruhi tingkah laku mereka.

Kajian Yusliha Binti Yusof (2001) bertujuan untuk meninjau persepsi pelajar terhadap ciri-ciri personaliti guru sekolah. Kajian ini juga memperlihatkan ciri-ciri guru yang diminati dan reaksi yang ditunjukkan ketika mengikuti pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai persepsi yang baik terhadap personaliti guru membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dengan lebih baik serta menyatakan reaksi yang berbeza-beza terhadap guru mereka. Kajian Norlia, T. Subahan, Lilia dan Kamisah (2006) bertujuan untuk menentukan hubungan antara motivasi, gaya pembelajaran dengan pencapaian Matematik Tambahan pelajar Tingkatan 4. Hasil analisis deskriptif mendapati para pelajar mempunyai dorongan motivasi dalaman yang tinggi berbanding motivasi luaran serta mengamalkan gaya permukaan dan gaya mendalam berbanding gaya terancang dan gigih usaha. Terdapat hubungan yang signifikan antara gaya pembelajaran mendalam dengan motivasi dalaman. Tidak terdapat perbezaan signifikan gaya pembelajaran mengikut jantina, etnik dan pencapaian awal. Implikasi kajian ini ialah faktor motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan pemilihan gaya pembelajaran yang diamalkan oleh pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Rosdi (2002) pula bertujuan untuk mengenal pasti Modaliti Gaya Pembelajaran dan Modaliti Gaya pengajaran guru automatif di Sekolah Menengah Teknik Muar dan Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat Johor. Data yang dikumpulkan dan dianalisis telah menunjukkan gaya pembelajaran guru lebih cenderung kepada modaliti visual manakala gaya pengajaran guru pula lebih kepada modaliti kinestetik keefisienan, korelasi pada +0.83475 untuk guru di Sekolah Menengah Teknik Muar dan +0.37529 untuk guru di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat menunjukkan hubungan Gaya Pembelajaran dan Gaya Pengajaran guru adalah sehaluan.

4.0 KEPUTUSAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Analisis Deskriptif Demografi Responden

Jadual 5: Ciri-ciri Demografi Responden

CIRI-CIRI DEMOGRAFI	FREKUENSI	PERATUS (%)
<u>Jantina</u>		
Lelaki	6	14.6
Perempuan	35	85.4
<u>Umur</u>		
21 – 30 Tahun	4	9.8
31 - 40 Tahun	26	63.4
40 dan ke atas	11	26.83
	14	34.1
	12	29.3
	10	24.4
	5	12.2
<u>Kelayakan IKhtisas</u>		
Sijil Perguruan	11	26.8
KPLI/KDC	5	12.2
Sarjana Pendidikan	9	22.0
KIPA/Lain-lain	16	39.02
<u>Kelayakan Akademik</u>		
Diploma	6	14.6
Ijazah Sarjana Muda	20	48.8
Master/Sarjana	15	36.6
PHD		

4.2 Analisis Deskriptif Jenis Personaliti

Persoalan Kajian 1

Apakah pola personaliti pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor secara keseluruhannya?

Jadual 6: Pola Jenis Personaliti pensyarah-pensyarah KKHL

Jenis Personaliti	Tahap			Min	Sisihan Piawai
	Rendah (1.00-2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5.00)		
<i>Extraversion</i>	-	33 (80.48%)	8 (19.51%)	3.36	0.33
<i>Agreeableness</i>		36 (87.80%)	5 (12.19%)	3.18	0.36
<i>Conscientiousness</i>	-	26 (63.42%)	15 (36.59%)	3.61	0.25
<i>Neuroticism</i>	-	35 (85.37%)	6 (14.63%)	3.20	0.38
<i>Openness</i>	-	21 (51.22%)	20 (48.78%)	3.36	0.33
			Purata	3.34	0.33

Jadual 6 menunjukkan tahap jenis personaliti pensyarah-pensyarah di Kolej Komuniti Hulu Langat. Personaliti *extraversion* mempunyai nilai min 3.36 di mana 33 orang (80.48%) tahap sederhana dan 8 orang (19.51%) tahap tinggi. Manakala personaliti *agreeableness* dengan nilai min 3.18 yang terdiri daripada 36 orang (87.80%) tahap sederhana dan 5 orang (12.19%) tahap tinggi. Sementara itu, personaliti *conscientiousness* di mana nilai min 3.61 dengan kesemua 26 orang (63.42%) berada pada tahap sederhana dan 15 orang (36.59%) berada pada tahap tinggi. Di samping itu, personaliti *neuroticism* mempunyai nilai min 3.20 dengan 35 orang (85.37%) berada pada tahap sederhana dan 6 orang (14.63%) tahap tinggi. Seterusnya personaliti *openness* menunjukkan nilai min 3.36 dengan 21 orang (51.22%) tahap sederhana dan 20 orang (48.78%) tahap tinggi.

4.3 Analisis Deskriptif Jenis Gaya Pengajaran

Persoalan Kajian 2

Apakah pola gaya pengajaran pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor secara keseluruhannya?

Jadual 7: Tahap pola gaya pengajaran pensyarah-pensyarah KKHL

Jenis Gaya Pengajaran	Tahap			Min	Sisihan Piawai
	Rendah (1.00-2.33)	Sederhana (2.34 – 3.66)	Tinggi (3.67 – 5.00)		
Pakar		3 (7.3%)	38 (92.68%)	4.05	0.32
Autoriti Formal		9 (21.95%)	32 (78.05%)	3.54	0.36
Model		2	39	4.04	0.40

Peribadi	(4.88%)	(95.12%)		
Fasilitator	8 (19.51%)	33 (80.49%)	3.91	0.36
Delegator	17 (41.46%)	24 (58.54%)	3.68	0.29
		Purata	3.84	0.35

Jadual 7 menunjukkan tahap pola gaya pengajaran pensyarah di Kolej Komuniti Hulu Langat. Pengajaran pakar mempunyai nilai min 4.05 dengan 2 orang (7.3%) berada pada tahap sederhana sementara 38 orang (92.68%) berada pada tahap tinggi. Manakala pengajaran autoriti formal dengan nilai min 3.54 yang terdiri daripada 9 orang (21.95%) tahap sederhana dan 32 orang (78.05%) tahap tinggi. Selain itu, pengajaran model peribadi menunjukkan nilai min 4.04 di mana 2 orang (4.88%) berada pada tahap sederhana dan 39 orang (95.12%) tahap tinggi. Sementara itu, pengajaran fasilitator di mana nilai min 3.91 dengan 8 orang (19.51%) berada pada tahap sederhana dan 33 orang (80.49%) tahap tinggi. Bagi pengajaran delegator yang nilai min 3.68 menunjukkan 17 orang (41.46%) pada tahap sederhana sementara 24 orang (58.54%) berada pada tahap tinggi.

4.4 Analisis Infrensi Hubungan Antara Personaliti Dengan Gaya Pengajaran

Persoalan Kajian 3

Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pola personaliti dengan gaya pengajaran pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang Selangor.
Hipotesis nol 1 : Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pola personaliti (*Extraversion, Agreeableness, Conscientiousness, Neuroticism dan Openness*) dengan gaya pengajaran (*Pakar, Autoriti Formal, Model Peribadi, Fasilitator dan Delegator*) pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat, Selangor

Jadual 8: Analisis Hubungan Antara Treat Personaliti *Extraversion* Dengan Gaya Pengajaran

Hubungan Pemboleh ubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti <i>Extraversion</i>		
Dengan Gaya Pengajaran		
a) Pakar	-0.34 (Lemah, Rendah)	0.832 (Tiada Hubungan)
b) Autoriti Formal	0.102 (Sangat Lemah)	0.524 (Tiada Hubungan)
c) Model Peribadi	0.218 (Lemah Rendah)	0.171 (Tiada Hubungan)
d) Fasilitator	0.313 (Lemah Rendah)	0.046 (Ada Hubungan)
e) Delegator	0.024 (Sangat Lemah)	0.884 (Tiada Hubungan)

Jadual 9: Analisis Hubungan Antara Tret Personaliti *Agreeableness* Dengan Gaya Pengajaran

Hubungan Pemboleh ubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti <i>Agreeableness</i> Dengan Gaya Pengajaran		
a) Pakar	-0.041 (Sangat Lemah)	0.799 (Tiada Hubungan)
b) Autoriti Formal	0.437 (Sederhana)	0.004 (Ada Hubungan)
c) Model Peribadi	-0.076 (Sangat Lemah)	0.636 (Tiada Hubungan)
d) Fasilitator	0.005 (Sangat Lemah)	0.976 (Tiada Hubungan)
e) Delegator	0.116 (Sangat Lemah)	0.472 (Tiada Hubungan)

Jadual 10: Analisis Hubungan Antara Tret Personaliti *Conscientiousness*, Dengan Gaya Pengajaran

Hubungan Pemboleh ubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti <i>Conscientiousness</i> , Dengan Gaya Pengajaran		
a) Pakar	0.068 (Sangat Lemah)	0.673 (Tiada Hubungan)
b) Autoriti Formal	0.097 (Sangat Lemah)	0.546 (Tiada Hubungan)
c) Model Peribadi	0.308 (Lemah, Rendah)	0.050 (Ada Hubungan)
d) Fasilitator	0.174 (Sangat Lemah)	0.277 (Tiada Hubungan)
e) Delegator	0.091 (Sangat Lemah)	0.569 (Tiada Hubungan)

Jadual 11: Analisis Hubungan Antara Personaliti *Neuroticism* Dengan Gaya Pengajaran

Hubungan Pemboleh ubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti <i>Neuroticism</i> dan Dengan Gaya Pengajaran		
a) Pakar	0.114 (Sangat Lemah)	0.478 (Tiada Hubungan)
b) Autiriti Formal	0.388 (Lemah Rendah)	0.012 (Ada Hubungan)
c) Model Peribadi	0.05 (Sangat Lemah)	0.977 (Tiada Hubungan)
d) Fasilitator	0.209 (Lemah, Rendah)	0.190 (Tiada Hubungan)
e) Delegator	0.379 (Lemah, Rendah)	0.015 (Ada Hubungan)

Jadual 12: Analisis Hubungan Antara Personaliti *Openness* Dengan Gaya Pengajaran

Hubungan Pemboleh ubah	Korelasi Pearson, r	Signifikan, p
Personaliti <i>Openness</i> Dengan Gaya Pengajaran		
a) Pakar	0.336 (Lemah, Rendah)	0.032 (Ada Hubungan)
b) Autoriti Formal	0.175 (Sangat Lemah)	0.275 (Tiada Hubungan)
c) Model Peribadi	0.243 Lemah, Rendah	0.125 (Tiada Hubungan)
d) Fasilitator	0.387 Lemah, Rendah	0.012 (Ada Hubungan)
e) Delegator	0.546 (Sederhana)	0.000 (Ada Hubungan)

5.0 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Dapatan Analisis Deskriptif Maklumat Demografi Sampel

Hasil kajian menunjukkan bahawa keseluruhan responden adalah seramai 41 orang pensyarah-pensyarah yang mengajar di Kolej Komuniti Hulu Langat. Seramai 6 orang responden (14.6%) adalah pensyarah lelaki dan responden perempuan adalah seramai 35 orang (85.4%). Menurut Abd.Rahim Abd Rashid (2007), salah satu isu yang mendominasi profesion perguruan di Malaysia ialah ketidakseimbangan jantina dengan jumlah majoriti pensyarah adalah terdiri daripada pensyarah perempuan. Kira-kira 90 peratus pensyarah yang berkhidmat dalam profesion ini dimonopoli oleh perempuan. Dalam kajian ini, responden yang paling banyak terlibat ialah pensyarah-pensyarah yang berumur yang di antara 31 hingga 40 tahun sebanyak 63.4% (26 orang), diikuti oleh pensyarah-pensyarah yang berumur 40 dan ke atas seramai 26.83% (11 orang) dan seterusnya pensyarah-pensyarah yang berumur 21 - 30 tahun iaitu sebanyak 9.8% (4 orang). Dari perspektif kelayakan ikhtisas pula, pensyarah yang mengikuti latihan KIPA mendapat peratusan yang tertinggi dengan 16 orang (39.02%) berbanding bilangan pensyarah yang memperolehi sijil perguruan seramai 11 orang (26.8%), KPLI/KDC iaitu 5 orang (12.2%), dan akhir sekali sampel pensyarah memiliki Sarjana Pendidikan dengan peratusan iaitu 22.0% (9 orang).

5.2 Dapatan Analisis Deskriptif Jenis-Jenis Personaliti Dalam Kalangan Pensyarah KKHL

Berdasarkan jadual dapat dilihat personaliti *Conscientiousness* mempunyai nilai min yang paling tinggi iaitu 3.61, diikuti personaliti *Extraversion* dan *Openness* dengan nilai min 3.36. Selain itu, personaliti *Neoriticism* mempunyai nilai min 3.20 dan akhir sekali personaliti *Agreeableness* yang menunjukkan nilai min 3.18. Ini jelas menunjukkan bahawa personaliti *Conscientiousness* adalah merupakan personaliti yang paling banyak dimiliki oleh pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat. Dapat disimpulkan bahawa pensyarah-pensyarah KKHL memiliki personaliti boleh dipercayai, dapat membuat sesuatu kerja dengan teliti, cekap dan bersungguh-sungguh sehingga tugas selesai. Selain itu mereka juga seorang yang rajin, dapat memberikan tumpuan pada sesuatu pekerjaan, menyusun kerja dengan teratur, membuat perancangan dan melaksanakannya. Ini bertepatan dengan kajian yang telah dilakukan oleh Langford (2003) yang menyatakan bahawa individu yang berdimensi *conscientiouness* yang tinggi bersifat bekerja keras, menepati masa, dan komited dengan perhubungan sosial. Menurut Clower dan Bothwell (2001) pula, individu yang berdimensi *conscientiouness* yang tinggi akan menghasilkan hasil pekerjaan yang baik sama ada dalam pelajaran mahupun pekerjaan. Individu ini juga dikatakan dapat mematuhi peraturan dengan baik, stabil dan mempunyai hubungan sosial yang baik dengan pelajar dan masyarakat. Dapatan kajian ini adalah bertekalan dengan hasil kajian Shahril et.al (1993) yang menyatakan bahawa pensyarah perlu mempunyai keyakinan diri sendiri, cekap dan mempunyai personaliti yang menarik.

5.3 Dapatan Analisis Deskriptif Gaya Pengajaran Dalam Kalangan pensyarah

Jadual juga menunjukkan pengajaran model pakar menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.05. Ini diikuti dengan gaya pengajaran model peribadi dengan nilai min 4.04. Pengajaran fasilitator pula berada pada kedudukan ketiga dengan nilai min 3.91, diikuti dengan gaya pengajaran delegator dengan nilai min 3.68 dan akhir sekali gaya pengajaran autoriti formal dengan nilai min 3.54. Ini jelas menunjukkan bahawa gaya pengajaran model pakar adalah merupakan gaya pengajaran yang paling banyak diamalkan dan digunakan oleh pensyarah-pensyarah Kolej Komuniti Hulu Langat.

Dapatan ini bertentangan dengan hasil kajian Nurul Hafiz (2007) yang menunjukkan gaya pengajaran ini berada di kedudukan kedua. Pensyarah-pensyarah yang mempunyai gaya pengajaran pakar yang tinggi dianggap sebagai gedung ilmu atau sumber ilmu bagi pelajar-pelajarnya yang dapat menerangkan sesuatu fakta, konsep dan prinsip yang mereka perlukan. Bagi golongan pensyarah ini, adalah penting bagi mereka untuk berkongsi ilmu dan kepandaian dengan pelajar. Mereka juga dianggap sebagai pemecah kepada kekeliruan dan masalah yang dihadapi oleh pelajar. Dalam sesi pengajaran pula pensyarah-pensyarah akan memberikan gambaran yang lebih jelas dan menyeluruh kepada pelajar terlebih dahulu tentang apa yang akan dipelajari untuk pelajaran akan datang. Fungsi utama pensyarah lebih tertumpu kepada membantu pelajar membuat persediaan menghadapi peperiksaan dan seterusnya mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan. Penekanan yang dibuat adalah lebih kepada hasil pembelajaran, bukan kepada proses pembelajaran.

5.4 Dapatan Analisis Inferensi Hubungan Korelasi Antara Personaliti Dengan Gaya Pengajaran

Analisis kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat beberapa hubungan yang signifikan antara personaliti pensyarah dengan gaya pengajaran pensyarah. Personaliti *extraversion* mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya pengajaran fasilitator dengan hubungan korelasi yang lemah rendah iaitu $r=0.313$. Personaliti *extraversion* tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya pengajaran autoriti formal, gaya pengajaran pakar, gaya pengajaran model peribadi dan gaya pengajaran delegator.

Dapatan kajian ini adalah menyokong pendapat yang dinyatakan oleh Binimiao dan Glasman (1991, dalam Zulkiflee, 1996) melalui kajian Muhaida Omar menyatakan bahawa faktor pensyarah adalah penting dalam mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu bagi mencapai matlamat yang menarik dan berkesan pensyarah hendaklah merancang topik, objektif, isi pelajaran, cara penyampaian dan melihat sama ada gaya pengajaran pensyarah adalah bersesuaian dengan kebolehan dan minat pelajar. Ciri-ciri ini adalah selari dengan gaya pengajaran fasilitator.

Seterusnya, personaliti *agreeableness* mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya pengajaran autoriti formal dengan hubungan korelasi yang wujud adalah sederhana dengan $r=0.437$. Bagaimanapun personaliti *agreeableness* tidak signifikan dengan empat gaya

pengajaran lain iaitu gaya pengajaran pakar, gaya pengajaran model peribadi, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator. Hasil kajian ini adalah bertepatan dengan apa yang dikatakan oleh Boylan (1995) dalam kajian Muhaida Omar (1998). Beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar yang diajar mengikut stail pengajaran yang disukai akan dapat belajar dengan lebih baik dalam bilik darjah. Menurut A.Kadir Haji Ismail (1974) pula, pensyarah yang mahir dan berkeelayakan tidak akan membiarkan dirinya sahaja melakukan semua pekerjaan sedangkan pelajarnya hanya memerhatikan dan mendengar isi pelajaran semata-mata.

Dapatan kajian seterusnya menunjukkan personaliti *conscientiousness* mempunyai hubungan signifikan dengan satu sahaja gaya pengajaran iaitu gaya pengajaran model peribadi dengan hubungan korelasi yang lemah iaitu $r=0.308$. Ini jelas menunjukkan personaliti *conscientiousness* tidak mempunyai hubungan signifikan dengan empat lagi gaya pengajaran iaitu gaya pengajaran autoriti formal, gaya pengajaran authoriti formal, model peribadi, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator. Kajian ini disokong oleh Ramlah (1992) dalam kajian Muhaida Omar (1998) iaitu seorang pensyarah yang berkualiti adalah pensyarah yang berkebolehan menyampaikan kandungan pelajaran kepada pelajar supaya sentiasa menarik dan berkesan. Proses pengajaran dan pembelajaran ini akan membawa kepada pengajaran yang berkualiti.

Bagi personaliti *neuroticism* pula, hasil kajian menunjukkan personaliti ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan dua jenis gaya pengajaran iaitu gaya pengajaran deligator dengan kekuatan korelasi yang lemah rendah iaitu $r=0.379$ dan gaya pengajaran autoriti formal dengan kekuatan korelasi yang lemah rendah dengan nilai $r=0.388$. Namun begitu, personaliti *neuroticism* tidak mempunyai hubungan signifikan dengan tiga lagi gaya pengajaran yang lain iaitu gaya pengajaran model peribadi, gaya pengajaran fasilitataor dan gaya pengajaran pakar. Dapatan kajian ini adalah bertentangan dengan dapatan hasil kajian oleh Nurul Hafiz Mohd Zainol (1997) di mana hasil kajiannya telah menunjukkan bahawa personaliti *neuroticism* tidak mempunyai hubungan signifikan dengan mana-mana gaya pengajaran pun. Ini adalah kerana individu *neuroticism* dirujuk sebagai orang yang sentiasa berpandangan negatif dan lebih emosional terhadap sesuatu perkara atau peristiwa. Mereka yang mempunyai personaliti *neuroticism* boleh menghadapi satu atau lebih emosi pada satu-satu masa seperti kemarahan, ketakutan, kebimbangan dan kesedihan. Personaliti *neuroticism* merupakan faktor yang kurang sesuai bagi seseorang pensyarah.

Tret personaliti yang terakhir sekali dikaji adalah personaliti *openness*. Hasil kajian mendapati personaliti *openness* mempunyai hubungan signifikan dengan tiga gaya pengajaran. Gaya pengajaran tersebut ialah gaya pengajaran pakar, gaya pengajaran fasilitator dan gaya pengajaran delegator. Hubungan korelasi yang lemah rendah diperolehi daripada gaya pengajaran pakar dengan nilai $r=0.336$ dan gaya pengajaran fasilitator dengan nilai $r= 0.387$. Sementara gaya pengajaran delegator membentuk hubungan korelasi yang sederhana dengan personaliti *openness*, nilai $r=0.546$. Gaya pengajaran yang tidak mempunyai hubungan signifikan dengan personaliti *openness* ialah gaya pengajaran model peribadi dan gaya pengajaran autoriti formal.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan rumusan dari kajian ini adalah diharapkan agar dapat memberi gambaran yang jelas berkaitan tret personaliti pensyarah dan gaya pengajaran. Semoga dengan adanya hasil kajian ini, ianya dapat dijadikan panduan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam membentuk komuniti dan untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam merangka strategi, pendekatan dan program-program pendidikan yang lebih jitu dan berkesan. Melalui program pemantapan ini nanti diharapkan akan dapat melahirkan generasi pensyarah yang lebih mapan dan tegar dalam mengharungi arus perubahan pendidikan, isu, konflik dan krisis seterusnya mampu bergerak seiring dengan peredaran masa dalam memenuhi pelbagai tuntutan dan komitmen dalam bidang ini. Personaliti pensyarah sebagai suatu aset untuk menarik perhatian pelajar dan gaya pengajaran pensyarah ke arah pembelajaran yang lebih bermakna dan berkesan.

7.0 RUJUKAN

- Abd.Rahim Abd Rashid. (2007). *Profesionalisme Kepensyarahan: Prospek dan Cabaran*: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ahmad Amri Zainal. (2009). *Rahsia Personaliti Unggul*: PTS Distributors Sdn Bhd.
- Azhani Adnan. (2008). *Personaliti Pensyarah: Pengaruh Ke atas Pengajaran dan Pembelajaran*. Universiti Pendidikan Sultan Idris: Jurnal Sarjana.
- Azizi Yahaya. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*: PTS Distributors Sdn Bhd.
- Azlan Bin Aris. (2009). Perbandingan Pola Personaliti-persekitaran (p-e Fit) dan Kongruen Personaliti Persekitaran (eat) pelajar Kolej Komuniti Segamat, Johor. *Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana*.
- Chong Chee Kong. (2003). Hubungan Antara Sikap, Minat Dan persepsi Dengan Prestasi Matematik Pelajar Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Confucian Kuala Lumpur. *Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda*.
- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah Penyelidikan*: McGraw-Hill Sdn Bhd.
- Ee Ah Meng. (1987). *Pedagogi Untuk Bakal Pensyarah*, Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Ee Ah Meng. (1989). *Pedagogi Satu Pengenalan*, Petaling Jaya: Fajar Bakti
- Habibah Elias & Noran Yaakub. (2006). *Psikologi Personaliti*: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Shukri Ahmad (2014). Penghayatan Solat dan Pengimarahannya Masjian: Kajian dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia. *Kertas Kerja. Universiti Utara Malaysia*
- Nur Saujana, 21 December, 2007, Mengapa Berat Menunaikan Solat [Online] <http://halaqah.net/v10/index.php?topic=2818.0>

Utusan Online, 16 Jun 2004, Solat lima waktu – 80 peratus tidak mengerjakannya [Online]
: http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2004&dt=0616&pub=Utusan_Malaysia&s=Bicara_Agama&pg=ba_01.hm#ixzz4H9230JNE